

PERMOHONAN SALURAN AUTONOMI PASUM BAGI KEMASUKAN KE PROGRAM SARJANA MUDA UNIVERSITI MALAYA SESI 2024/2025

Pelawaan dibuka kepada pelajar **Saluran Perdana** bagi program **Asasi Sains Hayat, Asasi Sains Fizikal dan Asasi Sains Sosial** Universiti Malaya untuk memohon kemasukan ke program Sarjana Muda Sesi 2024/2025.

Tarikh Permohonan Dibuka : **4 April 2024 (Khamis)**
(3:00 petang)

Tarikh Permohonan Ditutup : **28 April 2024 (Ahad)**
(5:00 petang)

Program Yang Ditawarkan : Program Sarjana Muda di Fakulti berikut:

(Bagi Calon Lulusan Asasi Sains Hayat & Asasi Sains Fizikal)

- (1) Fakulti Alam Bina
- (2) Fakulti Farmasi
- (3) Fakulti Kejuruteraan
- (4) Fakulti Pergigian
- (5) Fakulti Perubatan
- (6) Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat
- (7) Fakulti Sains *(Kecuali program Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan)*

Program Yang Ditawarkan : Program Sarjana Muda di Fakulti/Akademi berikut:

(Bagi Calon Lulusan Asasi Sains Sosial)

- (1) Akademi Pengajian Islam
(Hanya program Sarjana Muda Pengurusan Muamalat dan Sarjana Muda Syariah & Undang-Undang)
- (2) Akademi Pengajian Melayu
- (3) Fakulti Sastera & Sains Sosial
- (4) Fakulti Alam Bina
- (5) Fakulti Perniagaan & Ekonomi
- (6) Fakulti Undang-Undang
- (7) Fakulti Pendidikan
- (8) Fakulti Seni Kreatif
- (9) Fakulti Bahasa & Linguistik

SYARAT PERMOHONAN

Calon perlu memastikan program yang dipilih **memenuhi syarat am & syarat khas** yang ditetapkan oleh universiti. Keputusan peperiksaan yang dipaparkan di dalam borang permohonan adalah keputusan peperiksaan Semester 1, Sesi Akademik 2023/2024.

MAKLUMAT PENTING

- ✓ Semakan program, syarat am dan syarat khas program boleh dicapai melalui laman sesawang <https://online.mohe.gov.my/epanduan/>
- ✓ Calon boleh memilih **minimum SATU (1)** pilihan program atau sehingga **maksimum LAPAN (8)** pilihan program.
- ✓ Pemohon yang memilih program bertemu duga perlu meletakkan program tersebut pada **pilihan pertama (1) hingga keempat (4)**.
- ✓ Pemohon **wajib** mengisi program **pilihan pertama (1)** sekiranya pemohon hanya berminat dengan satu (1) program sahaja.
- ✓ Universiti boleh menawarkan mana-mana program pilihan kedua (2) hingga kelapan (8) sekiranya pemohon mengisi maklumat tersebut. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada pemohon memenuhi syarat khas program, meritokrasi dan kekosongan tempat.
- ✓ Pemohon boleh mengemaskini permohonan dan menekan butang Simpan dan Hantar sehingga tarikh tutup permohonan. Tiada sebarang permohonan yang diterima **selepas tarikh tutup**.
- ✓ Sebarang pindaan pengemaskinian maklumat adalah bawah tanggungjawab calon.
- ✓ Universiti berhak untuk menarik balik dan/atau membatalkan tawaran sekiranya pemohon didapati mengemukakan maklumat palsu dan/atau tidak tepat.
- ✓ Program pengajian yang ditawarkan adalah **muktamad**.

-Terima kasih-